

Kapal tangki Vietnam ditahan, bersauh tanpa kebenaran

SH 28/5/2022 MS : 30

KOTA TINGGI – Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Tanjung Sedili menahan sebuah kapal tangki yang bersauh tanpa kebenaran di perairan Johor Timur, di sini pada Khamis.

Timbalan Pengarah (Operasi) Maritim Malaysia Zon Maritim Tanjung Sedili, Komander Maritim Mohd Najib Sam berkata, kapal tangki berdaftar dari Vietnam itu ditahan kira-kira jam 3.20 petang di kedudukan 22.6 batu nautika timur laut Tanjung Kelesa, di sini.

“Hasil pemeriksaan mendapati kapal berkenaan telah dikendalikan 24 kru lelaki terdiri daripada 19 warga Vietnam dan lima warga Myanmar berusia lingkungan 22 hingga 55 tahun yang mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah.

“Bagaimanapun, ketika siasatan dibuat, nakhoda kapal telah didapati gagal mengemukakan sebarang kebenaran ber-

sauh daripada Pengarah Laut Malaysia,” katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Mohd Najib berkata, nakhoda bersama seorang kru kapal berkenaan kemudiannya dibawa ke Pengkalan Maritim Malaysia Zon Maritim Tanjung Sedili untuk tindakan lanjut.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 491B(1)(L) Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 yang mana boleh memperuntukkan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

“Maritim Malaysia akan terus memantau dan memastikan perairan negeri Johor bebas daripada sebarang cubaan bersauh tanpa kebenaran,” jelasnya.

Tambahnya, pemilik atau pengusaha perkapalan juga dinasihatkan untuk sentiasa mendapatkan kebenaran Jabatan Laut Malaysia terlebih dahulu sekiranya menjalankan aktiviti mahupun berlabuh di perairan negara ini.

Kapal tangki
Vietnam
ditahan kerana
disyaki
berlabuh tanpa
kebenaran di
perairan
Tanjung Kelesa
di Kota Tinggi
pada Khamis.

